

Peralatan penyamaran: Asia Barat sasaran MKT

UM 12 APR 2002

KUALA LUMPUR 11 April – Syarikat pengeluaran peralatan penyamaran untuk tentera, Metro Koats Technology Sdn. Bhd. (MKT) yakin dapat menguasai pasaran bahan itu di Asia Barat menerusi projek usaha sama dengan sebuah syarikat dari Yemen.

Pengarah Urusannya, Yusseri Said berkata, buat permulaan MKT akan melabur sebanyak RM2 juta bagi mendirikan kilang di Yemen bersama-sama Hamdo's Est For Industry and Trade (Hamdo) dan pembinaannya dijangka dimulakan tiga bulan lagi.

Menurut beliau, tiga jenis produk iaitu cat penyamaran infra merah, jaring penyamaran dan kanvas penyamaran akan dikeluarkan di kilang tersebut.

"Pada tahun pertama operasi, kita mensasarkan jualan sebanyak RM40 juta," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara MKT dan Hamdo sempena Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2002 hari ini.

Yusseri menandatangani bagi pihak MKT, manakala Hamdo diwakili oleh Pengerusi Eksekutifnya, Hamdo Abdul Karim.

Beliau berkata, projek usaha sama itu merupakan projek pertama MKT di luar negara yang diperoleh hasil menyertai lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Yemen tahun lalu.

Katanya, MKT memilih Hamdo sebagai rakan kongsi kerana syarikat itu merupakan salah satu syarikat utama di Yaman yang mempunyai rangkaian pejabat di beberapa negara Arab dan Afrika.

Pada masa ini, MKT mendapat kontrak mengecat kenderaan tentera menggunakan cat penyamaran infra merah untuk penggal kedua dari Kementerian Pertahanan sehingga tahun 2005 bernilai lebih RM8 juta.

Selain itu, syarikat tersebut juga mengeksport produknya ke beberapa negara termasuk Afrika Selatan dan Brazil.

MKT yang ditubuhkan pada tahun 1995 membangunkan produk keluarannya itu menerusi program penyelidikan dan pembangunan (R & D) bersama Angkatan Tentera Malaysia.

Warna-warna yang digunakan terutama cat sangat sesuai dengan keadaan hutan tropika.